



TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI
(AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN)
DEPUTY DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION
(ACADEMIC AND RESEARCH)
Jabatan Pendidikan Tinggi
Department Of Higher Education
Kementerian Pendidikan Tinggi
Ministry of Higher Education Malaysia
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

JPT | JABATAN
PENDIDIKAN
TINGGI

Tel: 603-88706401
Faks (Fax): 603-88706842
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>

Ruj. Kami : JPT.S(BPKI)2000/018/07/01Jld.5 (42)
Tarikh : 30 Oktober 2025

SENARAI SEPERTI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr.,

PINDAAN PADA DOKUMEN TADBIR URUS DANA PENYELIDIKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI - EDISI KELIMA JANUARI 2022

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr. sedia maklum, berdasarkan Dokumen Tadbir Urus Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi (DP KPT), edisi kelima Januari 2022, penggunaan peruntukan geran penyelidikan di bawah VOT 21000 adalah bagi perjalanan dalam negara bagi tujuan menghadiri persidangan/kerja lapangan/kutipan data dan lain-lain aktiviti berkaitan.


3. Pengurusan Tertinggi Jabatan ini melalui minit bebas bertarikh 28 Oktober 2025, rujukan JPT.S(BPKI)2000/018/07/01Jld.5 (41) telah bersetuju untuk membuat pindaan pada VOT 21000 (Perjalanan dan Pengangkutan) pada Dokumen Tadbir Urus DP KPT (edisi kelima Januari 2022).

4. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dikemukakan pindaan Dokumen Tadbir Urus DP KPT edisi kelima Januari 2022 untuk makluman dan perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(PROF. DR. ZAINAL AMIN BIN AYUB)

s.k.:

Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Pendidikan Tinggi

Bendahari Universiti

3.1.10 Pembayaran elaun atau saguhati kepada Ketua Program/Ketua Projek dan ahli dalam kumpulan penyelidikan menggunakan Vot 29000 (perkhidmatan) adalah tidak dibenarkan.

3.1.11 Definisi bayaran konsultan, enumerator dan honorarium di bawah Vot 29000 boleh dirujuk pada **Lampiran 3**.

3.1.12 Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik untuk tujuan perjalanan ke Festival Idea Putrajaya (Putrajaya FOI) tahun 2025 tertakluk kepada penerima geran aktif sedia ada (tidak termasuk penerima geran penyelidikan baharu bermula tahun 2025). Semua urusan tuntutan hendaklah dikemukakan oleh penyelidik dan diuruskan melalui RMC universiti masing-masing mengikut tatacara kewangan yang berkuat kuasa. Kadar yang ditetapkan bagi setiap penyelidik adalah seperti berikut:

Kategori Penyelidik	Kadar Maksimum
Penyelidik di Lembah Klang	RM500 seorang
Penyelidik di luar Lembah Klang	RM1,000 seorang
Penyelidik di Sabah dan Sarawak	RM1,500 seorang

3.2. PENGGUNAAN PERUNTUKAN SETELAH TAMAT PROJEK

3.2.1. Penyelidik tidak dibenarkan untuk membuat sebarang perbelanjaan selepas tarikh tamat projek penyelidikan.

3.2.2. Semua perbelanjaan dalam tempoh penyelidikan hendaklah dikemukakan kepada RMC/Bendahari sebelum tarikh tamat projek penyelidikan. Sekiranya gagal berbuat demikian, maka tuntutan perbelanjaan tersebut tidak boleh dibayar.

3.2.3. Pihak RMC/Bendahari tidak dibenarkan membuat sebarang pembayaran selepas tarikh tutup akaun projek penyelidikan.

3.3. PENGURUSAN BAKI PERUNTUKAN

3.3.1. Pihak Institusi perlu melaporkan baki peruntukan sehingga 31 Disember setiap tahun bagi semua projek yang telah diluluskan (berstatus selesai, tidak aktif dan aktif) di bawah geran penyelidikan DP KPT.

3.3.2. Sekiranya projek penyelidikan telah tamat atau pun tidak aktif, pihak Institusi hendaklah memastikan baki peruntukan projek penyelidikan tersebut disimpan dalam akaun berasingan dan sebarang penggunaan